"So, for everybody's sake, especially the visitors and their kids, it is best to avoid any water activities, including bathing at these areas," he said.



MOHD. NOR memunjulkan durian Musang King yang pertama kali berbuah di kebunnya.

Sanggup tinggalkan kerja makan gaji, usahakan raja buah

RAUB – Penanaman durian Musang King di daerah ini terus mendapat perhatian pelbagai golongan yang berminat untuk menjadikannya sebagai satu kerjaya yang mampu menjanjikan pendapatan lumayan.

Potensi itu mendorong seorang pemuda, Zamri Othman, 45, bertekad berhenti kerja dalam bidang kejuruteraan dan mengusahakan penanaman Musang King di Dong, Raub.

Pemilik syarikat Zamri Agro Farm itu berkata, keputusannya melaburkan kira-kira RM1.4 juta untuk penanaman durian pada tahun 2013 berbaloi apabila dia kini mempunyai kira-kira 580 batang pokok durian jenis Musang King dan Duri Hitam.

"Dari awal lagi saya nantikan potensi besar durian Musang King dan bermula dengan menanam 200 pokok di kawasan tanah seluas 2.8 hektar dan sehingga kini saya sudah memperluaskan penanaman durian kepada 580 pokok di tanah seluas 6.4 hektar.

"Sememangnya tanaman ini memberi pulangan lumayan. Permintaannya juga cukup tinggi. Walaupun ladang saya mampu mengeluarkan 500 kilogram (kg) durian sehari, ia masih tidak mencukupi," katanya.

Menurut Zamri, biarpun penanaman Musang King memerlukan penjagaan rapi, tetapi apabila mengeluarkan hasil selepas empat tahun, ia amat berbaloi.

Katanya, pengeluaran buah durian Musang King di ladangnya terus meningkat dari tahun ke tahun yang menyaksikan pada tahun ini kebanyakan pokok durian yang berusia lapan tahun mempunyai kira-kira 140 biji du-



ZAMRI memunjulkan durian Musang King di ladang Zamri Agro Farm di Raub baru-baru ini.

rian bagi sebatang pokok.

"Dengan penjagaan sempurna, sebiji buah Musang King dianggarkan seberat antara 2kg sehingga 5kg. Jika umur pokok melebihi 10 tahun, ia boleh memberikan hasil hingga ratusan ribu ringgit bagi setiap pokok," ujarnya.

Sementara itu, Mohd. Nor Sa, 55, berkata, dia membuat keputusan untuk menebang pokok getah di kebunnya dan digantikan dengan penanaman durian Musang King sejak 2015 meman-

dangkan penanaman raja buah itu lebih menguntungkan.

Katanya, ketika ini dia telah menanam 300 pokok durian Musang King di kawasan tanah seluas 4.5 hektar di Jelu di sini dengan bantuan dan tunjuk ajar daripada Jabatan Pertanian.

"Alhamdulillah pokok durian tumbuh dengan subur di sini dan pada tahun ini, pokok sudah mula berbuah dan saya gembira mula mendapat hasil pertama," katanya.

Kegilaan tanam durian Musang King

KAYA... RM800 SEKILOGRAM DI CHINA

Laporan Khas

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**

RAUB – Harga durian Musang King Malaysia di pasaran China yang mencecah RM800 sekilogram antara faktor yang mendorong pelbagai pihak termasuk orang luar 'berlumba-lumba' mahu mengusahakan tanaman raja buah itu di daerah ini.

Secara puratanya, hasil jualan raja buah itu bagi sebatang pokok Musang King melebihi RM21,000 semusim, malah pokok matang yang berusia lebih 10 tahun pula mampu menjana jualan mencecah RM100,000 semusim.

Pokok durian Musang King kebelaannya berbuah dua kali setahun pada Februari hingga Mac dan Julai hingga Ogos setiap tahun.

Keuntungan lumayan itu menyebabkan penanaman Musang King di Raub terus diusahakan pelbagai pihak termasuk mereka yang sanggup meninggalkan kerjaya makan gaji.

Berdasarkan tinjauan Kosmo di sekitar Raub baru-baru ini, rata-rata kawasan pertanian termasuk di puncak bukit

dipenuhi pokok durian, malah terdapat banyak kawasan baharu yang dahulunya ditanam dengan pokok sawit dan getah ditukar kepada penanaman durian Musang King.


Penolong Pegawai Pertanian Raub, Badrulhisham Mohamad berkata, ketika ini terdapat lebih 600,000 pokok durian pelbagai jenis seperti Musang King, Duri Hitam dan D24 ditanam di kawasan tanah seluas 9,826 hektar di daerah ini.

"Tahun lalu sahaja, jumlah pengeluaran durian yang direkodkan di daerah ini adalah sebanyak 81,996 metrik tan dengan hasil jualan RM1.493 bilion.

"Anggaran eksport pada tahun lalu pula sebanyak 2,040 metrik tan melibatkan negara seperti China, Thailand, Indonesia, Taiwan, Amerika Syarikat dan Hong Kong," katanya kepada Kosmo.

Menurut Badrulhisham, permintaan durian Musang King terus meningkat walaupun harga pasaran durian itu mencecah RM800 sekilogram di China. Ketika ini harga durian Musang King di pasaran tempatan sekitar RM30 hingga RM60 sekilogram mengikut gred.

Katanya, berat sebiji durian Musang King boleh mencecah lima kilogram yang dikategori-





kan sebagai buah gred AAA.

Bagaimanapun, beliau berkata, durian itu yang memerlukan penjagaan lebih rapi dan teliti asalnya mula menghasilkan buah selepas pokok mencecah umur lima tahun.

"Bagi pokok durian yang matang, ia mampu menghasilkan buah sehingga 300 biji dalam setahun.

"Biasanya satu hektar ditanam dengan 70 batang pokok dan secara purata hasil jualan daripada sebatang pokok melebihi RM21,000," ujarnya.

Badrulhisham berkata, durian memerlukan tanah yang dalam, subur dan gembur kerana tanah-tanah tersebut mempunyai pengudaraan serta struktur yang baik untuk pertumbuhan akar.

Katanya, tanah jenis lom hingga lom berpasir yang banyak terdapat di lereng-lereng bukit adalah paling sesuai bagi penanaman durian.

Sementara itu, menurut sum-



PENJAGA Musang King di sekitar Karak, Bentong turut mendapatkan bekalan durian Musang King dari Raub.

ber, setiap kali musim durian Musang King, pekabun-pekabun kecil boleh meraih pendapatan sehingga RM20,000 sehari, malah ada yang mencapai ratusan ribu ringgit.

"Bagi tauke-tauke besar pula, sekali mereka memasukkan dut di dalam bank selepas menjual hasil durian adalah ratusan ribu ringgit dan ada mencecah RM900,000," ujarnya.

Menurutnya, hasil keuntungan yang lumayan itu menyebabkan ramai pihak luar datang untuk mencari tanah dan melabur dalam penanaman durian di Raub.

Berdasarkan laman web Jabatan Pertanian, mana-mana pihak yang ingin mengeksport durian sejuk beku ke China perlu mendapatkan Sijil Fitosanitasi daripada pihaknya.

Antara syarat adalah mereka perlu mendapatkan buah durian dari ladang yang memperoleh perakuan Amalan Per-

tanian Baik serta Pengurusan Perosak Bersepadu.

"Bagi pengeksportan buah durian sejuk beku dalam bentuk biji, ladang durian perlu memasang jaring bagi mengelakkan buah gugur ke tanah.

"Fasiliti pemrosesan buah juga perlulah berdaftar dengan Jabatan Pertanian dan diluluskan oleh Pentadbiran Am Kastam Republik Rakyat China.

"Durian sejuk beku yang dieksport ke China mesti dirawat menggunakan kaedah rawatan sejuk beku," katanya.

Musang King

- Benih daripada klon D197
- Pohon induk berasal dari Pulau Raya iaitu sebuah pulau di tengah Sungai Kelantan berdekatan dengan Tanah Merah
- Didaftarkan dengan nama Raja Kurnyt D197 pada tahun 1993
- Pohon tumbuh di dataran rendah hingga ketinggian 1,000 meter dari aras laut
- Sesuai ditanam di kawasan beriklim lembab
- Anak pokok durian Musang King dijual pada harga RM30 hingga RM60 sepokok
- Isi berwarna kuning pekat, tebal, tekstur halus, rasa lemak manis dan berbiji kecil
- Daun berbentuk oblong dengan permukaan atas daun berwarna hijau dan daun bawah keperangan



BADRULHISHAM memujikan antara ciri durian Musang King yang mempunyai pangsa yang jelas dan berbentuk seperti bintang.

Tebang sawit dan getah, tanam durian

RAUB - Nilai komersial yang dimiliki durian Musang King sehingga mampu menjana pendapatan lumayan menyebabkan ramai pemilik tanah di daerah ini sanggup menebang pokok kelapa sawit dan getah mereka untuk digantikan dengan penanaman raja buah itu.

Pegawai Daerah Raub, Datuk Mohammad Shahid Ismail berkata, pada tahun lalu sahaja, sebanyak 551 permohonan telah diluluskan melibatkan pertukaran status tanah daripada tanaman kelapa sawit, getah atau dusun kepada status tanaman durian.

"Sehingga kini, permohonan ini terus diterima dari semasa ke semasa dan sedang diproses.

"Sebenarnya kami tidak ada masalah untuk memberi kelulusan dan sentiasa menerima permohonan mereka yang berminat menanam Musang King," katanya.

Menurut Mohammad Shahid, Raub mempunyai kawasan tanah yang subur dengan kira-kira 75,800 hektar tanah didapati sesuai untuk pertanian sekali gus menjadikan daerah tersebut sebagai daerah pertanian penting di negeri ini.

Katanya, penanaman durian Musang King dilihat amat sesuai memandangkan tanaman itu dapat tumbuh subur dan mengeluarkan hasil yang terbaik serta berkualiti tinggi.



MOHAMMAD SHAHID

"Dalam usaha mengokong industri durian Musang King di daerah ini, pihak kami melakukan juga pelbagai perancangan bagi menjadikan Raub kekal sebagai antara pengeluar durian Musang King terbesar negara," ujarnya.

Menurut beliau, pihaknya juga bercadang mewujudkan pusat sehenti atau pusat integrasi durian di beberapa kawasan dikenali pasti di daerah ini seperti di Kluai, Batu Talam dan Tras.

Selain itu, katanya, sebuah pusat rujukan teknologi pertanian juga dirancang dibina di Raub yang akan menjadi hab teknologi pertanian dalam memacu pertanian di daerah itu.

"Kita juga akan membantu daripada sudut pemasaran dan promosi termasuklah mewujudkan produk pertanian jenama Raub dari semasa ke semasa," ujarnya.



LADANG durian Musang King milik Mohd. Nor di Jelu, Dong, Raub mula mengeluarkan buah tahun ini.



JOHOR

State to up pandan coconut production

By REMAR NORDIN
metro@thestar.com.my

THE Johor Agriculture Department aims to grow at least 40,000 pandan coconut (*kelapa pandan*) trees this year to meet the growing demand for the fruit.

Johor agriculture, agro-based and rural development committee chairman Datuk Samsolbari Jamali said the state was one of the main producers of pandan coconut in the country, with about 40% market share.

"The high demand is not just because of the coconut milk but also the increasing consumer awareness of coconut water's health benefits.

"We have 12 coconut species in the state but the most prominent one is pandan coconut because of the aroma and sweetness of the fruit's water and flesh," he said when contacted in Johor Baru.

Samsolbari said the state department planted about 35,000 pandan coconut trees last year on a 128ha area.

"So this year, we aim to plant more trees within the same area because there is increasing demand.

"I have discussed with the state department on ways of producing more seedlings using modern technology that can boost production as well as the quality of the yield," he said, adding that the Johor government also welcomed

Greater awareness of fruit's health benefits spurring demand



Samsolbari (right) examining a pandan coconut seedling at the Part Botak Agricultural Centre in Batu Pahat.

industries or universities that wished to collaborate to achieve this target.

Meanwhile, Samsolbari said Johor was also trying to promote the Liberica coffee plant as an option for farmers planning on carrying out intercrop cultivation.

"We are planning to plant about 40,000 Liberica coffee trees this year in our coffee plantation, which sits on 28ha in Part Botak, Batu Pahat.

"Each hectare can produce about 12 tonnes of coffee beans every year," he said, revealing that the 45ha coffee plantation in Johor contributed about 2% of the global coffee supply.

He added that the state government aimed to improve the cultivation method of the plantation and expand the area not only to improve the product's quality but also to increase the income of every coffee farmer involved.

Farmers' markets to benefit traders while keeping prices affordable

By YEE XIANG YUN
metro@thestar.com.my

THE Johor Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) will continue organising farmers' markets to create a win-win situation for both consumers and traders by offering goods and produce at affordable prices.

State director Shahrizan Surdman said that through Fama's My Rakyat programme, consumers would be able to buy fresh produce and food items with savings of between 5% and 20%.

He said the programme acted as a channel for local farmers and food producers to deliver their goods directly to consumers.

"The My Rakyat concept is our way of letting consumers enjoy lower prices in view of the rising cost of living and the economic impact brought on by the Covid-19 pandemic.

"At the same time, the programme serves as a platform for new and existing entrepreneurs, especially youths and those in the B40 group, to get better income.

"I believe that their participation will add value to their experience and hopefully, expand their market down the road," he told *StarMetro* in Johor Baru.

Shahrizan said according to Fama's study in 2019, vendors who participated in the My Rakyat programme enjoyed an additional income of between RM595 and RM1,842 on average each month.



Fama's My Rakyat programme offers consumers savings of between 5% and 20% on fresh produce and other food items.

For this year, Fama planned to focus on locations near public and private universities, army camps, people's housing projects (PPR), housing areas and government offices, he said.

The first My Rakyat programme this year was held at the Edible Park in Medini, Iskandar Puteri on March 25, with 35 stalls offering fresh fruits and vegetables, meat, fish, sundry goods, plants and snacks as well as cooked food.

"Although the market was held during the conditional movement control order, the turnout was quite good and we made sure to adhere to the standard operating procedures and only allowed 100 people to enter at any one time.

The programme will be expand-

ed to other districts throughout the year, with an upcoming one slated for April 10 at Taman Setia Jaya in Batu Pahat," said Shahrizan.

The farmers' market will then lead to the Wisma Persekutuan carpark in Kota Tinggi in June and the Taman Perling mosque in Johor Baru in August.

Shahrizan also said that Johor Fama would help to promote the events to create more awareness and promote local products to the public.

Since its inception in 2014, the programme has been held in 168 locations nationwide, with RM76.84m recorded in sales.

It also saw the participation of 2.745 entrepreneurs and 4.5 million visitors over the years.

Air Selangor, UM kerjasama tangani masalah bekalan air

Kolaborasi penyelidikan pastikan kesejahteraan lebih 8.4 juta pengguna

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dan Universiti Malaya (UM) memeterai kolaborasi penyelidikan yang diharap akan memberi impak kepada usaha memastikan perkhidmatan bekalan air yang lestari kepada lebih 8.4 juta pengguna.

Kerjasama bagi memacu usaha pemeliharaan dan pemuliharaan sumber air itu dilihat bakal membantu menangani isu bekalan air, termasuk pencemaran sungai, sekali gus menjamin kualiti kehidupan masyarakat, khususnya penduduk di Selangor, Kuala Lumpur serta Putrajaya.

Menurut satu kenyataan bersama Air Selangor dan UM, semalam, usaha sama itu mengap-

likasikan kepakaran serta hasil penyelidikan pakar universiti terlibat dalam mencari penyelesaian terbaik kepada isu pencemaran sumber air di Sungai Selangor.

Naib Canselor UM, Prof Datuk Dr Mohd Hamdi Abd Shukor, berkata penyelidikan yang dijalankan nanti akan tertumpu kepada kajian punca dan sumber masalah pencemaran serta cadangan penyelesaian, selain kesan gangguan air, khususnya di lembangan Sungai Selangor.

"Projek penyelidikan ini berkait rapat dengan Matlamat Pembangunan Lestari/Mampan (SDG) 6, terutama sasaran meningkatkan kualiti air ambien demi kesihatan dan kesejahteraan penduduk setempat.

"Melalui kerjasama ini juga, hasil akhir daripada penyelidikan akan dimanfaatkan oleh Air Selangor untuk membantu mempertingkatkan keberkesanan dalam kempen kesedaran awam, pendidikan dan amalan air lestari," katanya.

Perjanjian persefahaman itu ditandatangani Mohd Hamdi dan Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, Suhaimi Kamaralzaman.

Mengulas lanjut, Mohd Hamdi berkata, kolaborasi itu sejajar wawasan baharu UM untuk mun-



Melalui kerjasama ini juga, hasil akhir daripada penyelidikan oleh Air Selangor untuk membantu mempertingkatkan keberkesanan dalam kempen kesedaran awam, pendidikan dan amalan air lestari.

Mohd Hamdi Abd Shukor,
Naib Canselor UM

cul A Global University Impacting the World.

"Semua hasil kerja penyelidikan dan penemuan ilmu baharu tidak lagi tersimpan di menara gading, sebaliknya dimanfaatkan kepada negara dan dunia," katanya.

Suhaimi pula berharap kerjasama dengan institusi pengajian tinggi bertaraf dunia seperti UM, akan memberi impak terhadap usaha Air Selangor memastikan perkhidmatan bekalan air yang lestari kepada lebih 8.4 juta pengguna, terutama dalam memulihara dan memelihara bekalan air untuk masa depan.

"Air adalah anugerah sangat berharga dan jika aspek memulihara serta memulihara bekalan air diabaikan, kita mungkin akan berdepan situasi amat menepah dalam memastikan bekalan air yang lestari.

"Melalui usaha ini, kami berharap lebih ramai orang awam terutama generasi muda terus peka kepada isu kepentingan air kini dan masa depan," katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, Skim Air Sungai Selangor adalah sumber bekalan air bersih dan selamat terbesar yang menampung kira-kira 60 peratus penggunaan air di Selangor serta Kuala Lumpur.

Kilang didenda RM100,000 keluar habuk tanpa kawalan

Klang: Sebuah kilang di Jalan Bukit Kapar Kuari, di sini, didenda RM100,000 oleh Mahkamah Sesyen, semalam, atas kesalahan membabitkan pengeluaran habuk tanpa kawalan daripada aktiviti pembuatan premix bitumen.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Nor Aziah Jaafar, berkata Hakim, Ariffin Razali menjatuhkan denda itu terhadap kilang berkenaan selaku Orang Kena Suman (OKS).

Katanya, syarikat terlibat yang diwakili pengarahnya, mengaku bersalah atas empat pertuduhan yang dibacakan.

Beliau berkata, OKS didakwa melakukan semua kesalahan terlibat pada 5 November 2019 mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

"Menurut pertuduhan pertama, syarikat itu didakwa gagal mengemukakan pemberitahuan bertulis berkenaan pemasangan sistem kawalan pencemaran udara mengikut Peraturan 5(1)(b).

"Bagi pertuduhan kedua, syarikat itu didakwa gagal mengendalikan sistem kawalan pencemaran udara dan memastikan berfungsi dengan baik seperti dinyatakan mengikut Peraturan 7(3).

"Menurut pertuduhan ketiga, pihak premis didakwa gagal memastikan sistem kawalan pencemaran udara diselia orang yang berwajib mengikut Peraturan 7(4).

"Bagi pertuduhan terakhir, pihak premis didakwa gagal menjalankan pemantauan prestasi sistem kawalan pencemaran seperti diperuntukkan mengikut Peraturan 9(b)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Nor Aziah berkata, JAS Selangor sentiasa mengambil tindakan tegas dan tiada kompromi terhadap penjenayah alam sekitar.

"Saya ingin berterima kasih kepada orang awam yang memberi maklumat mengenai kegiatan mencemarkan alam sekitar.

"Saya menyeru orang awam melaporkan kegiatan mencemarkan alam sekitar melalui talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam, e-mel ke aduan_k@doe.gov.my atau melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>," katanya.

JAS Selangor akan sentiasa mengambil tindakan tegas dan tiada kompromi terhadap penjenayah alam sekitar.

Nor Aziah Jaafar,
Pengarah JAS Selangor



Kawasan pantai di Kampung Permatang Tepi Laut Bayan Lepas dikemari sampah dan air kumbahan sejak beberapa tahun lalu.



(Foto Ihsan CAP)

200 nelayan terjejas air kumbahan masuk laut

Bayan Lepas: Mata pencarian kira-kira 200 nelayan pantai di Kampung Permatang Tepi Laut, di sini, terjejas berikutan pencemaran sungai di kawasan itu yang didakwa berlarutan sejak beberapa tahun lalu.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader, berkata masalah itu dipercayai berpunca daripada air kumbahan dan sampah sarap dibuang sebelum dibawa arus ke laut melalui sungai itu.

Selain menjejaskan alam se-

kitar, katanya, pencemaran berkenaan turut mengancam kehidupan laut di kawasan nelayan terlibat mencari hasil tangkapan.

Beliau berkata, tinjauan CAP mendapati kejadian itu menyebabkan air sungai di kampung berkenaan menjadi keruh, berkelelak dan berbau busuk, manakala kawasan pantai pula dipenuhi sampah sarap.

"Nelayan mendakwa masalah itu berpunca daripada tindakan penduduk dan pemilik premis

perniagaan di sekitar kawasan terlibat, membuang sisa termasuk sampah, ke dalam sungai.

"Hasil seperti ikan, udang, kejang dan siput yang menjadi sumber tangkapan utama nelayan berkenaan, dikatakan diancam kepupusan serta berkurangan, sekali gus merjejaskan pendapatan mereka hingga 50 peratus setiap kali turun ke laut," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Mohideen berkata, enjin bot nelayan juga

dilaporkan kerap mengalami kerosakan kerana tersangkut sampah.

Malah, katanya, nelayan mendakwa mereka mengalami masalah kegatalan pada kulit apabila terkena air yang tercemar itu.

Selain itu, beliau berkata, nelayan mendakwa sampel air sungai sudah diambil beberapa kali oleh pihak tertentu untuk diuji, namun mereka tidak mengetahui keputusannya hingga kini.

AUSTRALIA-MALAYSIA COOPERATION

Working together towards global food security

Access to safe and nutritious food has never been more important. The Covid-19 pandemic has added to the global problems of hunger and malnutrition. The United Nations Food and Agriculture Organisation (FAO) reported almost 690 million people around the world went hungry in 2019, up by 10 million from 2018, or nearly 60 million in five years.

Economic lockdowns have significantly impacted government revenues. Cooperating to keep agricultural markets open has helped us avoid some of the costly measures witnessed during the 2007-08 food price crisis. Trade can help realise economic efficiencies.

Recently, there has been an increased focus on reducing Malaysia's reliance on agriculture imports and boosting its self-sufficiency. It is important to differentiate between self-sufficiency and food security.

Being self-sufficient does not guarantee food security. Domestic production will not guarantee people have access to affordable and nutritious food or safeguard against poor seasons and low harvests. Food security is achieved when all have access to afford-



ANDREW
GOLEZNOWSKI

able, sufficient and nutritious food at all times.

Countries that do well in food security have sophisticated supply chains, modern transport infrastructure, transparent and predictable regulatory environments. Supporters of self-sufficiency will argue that supply chain disruptions due to the current pandemic have made import-dependant countries more vulnerable, so reliance on imports must be reduced.

But we haven't witnessed any ongoing significant supply shocks as a result of Covid-19. Yes, there were a few disruptions early on as countries initially locked down, but these were quickly resolved.

In countries with long-running self-sufficiency programmes, food affordability has been undetermined. For example, the price

of domestic rice in Indonesia has historically been 30 per cent higher than the global market.

Food security will require all countries to work together. By 2050, the global population is forecast to reach over nine billion people. The world will need to produce much more food to meet demand with less land, less water and less impact on the environment.

This is not the time to introduce policies that limit imports, stifle competition and protect unsustainable local industries. That often results in inefficient practices, a limit to innovation and slow productivity improvements. They increase costs to the consumer and, in the long run, damage the environment.

Covid-19 has highlighted the fact we cannot use government revenue on such inefficient measures. In Australia, successive governments have moved away from subsidies and other trade- and production-distorting support, and our farmers are now exposed to competition domestically and in international markets.

Thanks to reforms and investment in research and innovation, Australian agriculture has witnessed consistent productivity growth over the last 30 years

which helped global food security.

Further liberalisation and reform of agricultural trade are crucial to ensure global food security by reducing barriers to the movement of food around the world. We will continue to pursue trade liberalisation and reform through the World Trade Organisation (WTO) and free trade agreements, such as the Regional Comprehensive Economic Partnership that Australia, Malaysia and 13 other countries signed on Nov 15, 2020.

As members of the Cairns Group in the WTO, Australia and Malaysia have pushed for liberalisation and reform of global trade in agriculture for over three decades, and continue to do so. The Cairns Group is pushing for meaningful outcomes on agriculture at the WTO 12th Ministerial Conference (MC12) due in late 2021.

For example, the Cairns Group launched the "Framework for Negotiations on Domestic Support" at the WTO in January 2020, seeking to cap and reduce the sum of current global agricultural trade- and production-distorting domestic support entitlements by at least half by 2030.

Global entitlements under the

WTO rules to use certain forms of distortive support reached US\$772 billion in 2016 — more than double Malaysia's GDP in the same year and could potentially reach over US\$2 trillion by 2030 if the rules remain unchecked.

Additionally, in June 2020, Cairns Group launched a "Covid-19 Initiative: Protecting Global Food Security Through Open Trade" to support the global agricultural and food system during the pandemic, and limit the impact of emergency measures on global food security and fair trade.

As a result, there was a renewed push in WTO for agreement not to impose export restrictions on foodstuffs purchased for non-commercial humanitarian purposes by the World Food Programme. This remains a viable outcome for MC12, along with outcomes on other important issues like domestic support.

Both efforts demonstrate clearly Australia and Malaysia's positive contribution to global food security, and the need to continue to work together well into the future.

www.twitter.com/AusHC-Malaysia

The writer is the Australian High Commissioner to Malaysia

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/4/2021	SINAR HARIAN	NEGERI MELAKA/N9	28

LKIM Melaka baik pulih 57 rumah nelayan



Rosli (tiga dari kiri) dan Kusuadi (tengah) bersama wakil agensi yang menjayakan program gotong-royong LKIM di Jeti Nelayan Serkam pada Jumaat.

MELAKA - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Melaka menerima peruntukan berjumlah RM903,000 bagi program baik pulih membabitkan 57 rumah nelayan di negeri itu.

Pengarahnya, Rosli Mustapa berkata, daripada jumlah itu, 47 rumah membabitkan nelayan di daerah Jasin manakala 10 rumah di kawasan Melaka Tengah.

Menurutnya, setiap rumah yang layak akan menerima bantuan sekitar RM13,000 bergantung kepada tahap kerosakan dialami dan jumlah itu bagi tempoh tahun lalu hingga Februari tahun ini.

“Kita telah turun padang bagi menyasat kerosakan dialami pemohon dan ada di antara permohonan mereka diluluskan untuk baik pulih kerana rumah telah uzur, dimakan anai-anai serta bumbung yang bocor.

“Pada masa sama kita juga menerima peruntukan bagi membina tiga rumah baharu nelayan menerusi peruntukan RM56,000 setiap unit rumah,” katanya ketika program gotong-gotong LKIM di Jeti Nelayan Serkam di sini pada Jumaat.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) LKIM, Kusuadi Salleh.